



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (25 APRIL 2022) - Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal (CC) berasa dukacita dengan berita baru-baru ini berhubung enam orang pelarian dari Myanmar termasuk dua kanak-kanak yang maut ketika mereka cuba menyeberangi lebuh raya semasa ratusan jumlah pelarian melarikan diri daripada pusat tahanan imigresen di mana satu rusuhan tercetus pada awal pagi 20 April 2022.

Berdasarkan pemerhatian CC semasa lawatan pemantauannya di pusat tahanan imigresen di Lenggeng, depot didapati sesak dengan tahanan, dan di Lenggeng, Langkawi dan Belantik, depot didapati kekurangan kakitangan. Kebanyakan tahanan migran dihantar pulang ke negara asal melalui campur tangan wakil kedutaan negara masing-masing, namun pelarian Rohingya di Malaysia tidak boleh dihantar pulang ke Myanmar kerana peruntukan di bawah undang-undang adat antarabangsa, prinsip non-refoulement memberi jaminan bahawa tiada seseorang harus dihantar pulang ke negara asal mereka di mana mereka akan mengalami penindasan.

Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951, tetapi Malaysia merupakan sebuah negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (CRC). Perkara 22 CRC menyatakan bahawa negara pihak harus memastikan kanak-kanak yang mencari status pelarian, atau kanak-kanak yang telah disahkan sebagai pelarian hendaklah diberikan perlindungan dan bantuan kemanusiaan yang sewajarnya. Di samping itu, kanak-kanak pencari suaka atau yang telah diberikan status pelarian berhak untuk mendapat hak mereka di bawah empat prinsip utama CRC yang menyatakan bahawa kanak-kanak tidak boleh didiskriminasi, perlu dilayani dengan kemanusiaan dan rasa hormat, suara mereka harus didengari dan kepentingan terbaik kanak-kanak harus diberi keutamaan.

Oleh itu, CC menggesa pihak Kerajaan:

- i. untuk memberi kebenaran kepada UNHCR untuk mengeluarkan kad UNHCR kepada semua pelarian Rohingya, terutamanya mereka yang terlibat dalam rusuhan tersebut. Program penempatan semula UNHCR dicadangkan untuk mengutamakan pelarian Rohingya dalam aspirasi ke arah penyelesaian jangka panjang, dalam bentuk penempatan semula ke negara ketiga;
- ii. menubuhkan badan bebas yang terdiri daripada wakil-wakil selain daripada Kementerian Dalam Negeri bagi menyiasat kejadian tersebut;
- iii. tidak menghukum pelarian Rohingya yang ditangkap semula atau menimbulkan ketakutan atau kebencian dalam kalangan penduduk tempatan di Relau terhadap pelarian Rohingya yang masih bebas;
- iv. melibatkan kanak-kanak Rohingya dalam projek rintis alternatif kepada penahanan kerana kanak-kanak ini mempunyai hak untuk hidup dalam persekitaran yang lebih selamat dan kondusif; dan
- v. menambah lebih ramai kakitangan di depot imigresen yang kekurangan kakitangan.

-TAMAT-

Professor Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Pesuruhjaya Kanak-Kanak

25 April 2022

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my

“Hak Asasi Untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600